

**IKLAN PERMOHONAN KEMASUKAN KE TINGKATAN SATU
SEKOLAH MENENGAH AGAMA KERAJAAN PAHANG TAHUN 2021**

1. **Iklan permohonan dibuka** mulai **02 November 2020 / 16 Rabiulawal 1442H** hingga **20 November 2020 / 04 Rabiulakhir 1442H**.
2. **Permohonan boleh dibuat secara "online"** sahaja melalui laman web: <http://esma.pahang.gov.my>.
3. **Syarat-syarat kelayakan** adalah seperti berikut :
 - 3.1. **Pemohon adalah warganegara Malaysia;**
 - 3.2. **Ibu atau bapa warganegara Malaysia;**
 - 3.3. **Pemohon/ibu/bapa lahir di negeri Pahang (anak kelahiran Pahang diutamakan), atau;**
 - 3.4. Jika pemohon/ibu/bapa lahir di luar Pahang dan telah bermastautin lebih dari sepuluh (10) tahun dan berhasrat untuk terus menetap di negeri Pahang Darul Makmur perlu mengemukakan surat pengesahan tempoh bermastautin daripada Pegawai Daerah/Penghulu Mukim, atau;
 - 3.5. Kakitangan kerajaan yang sedang berkhidmat di negeri Pahang. Surat pengesahan daripada Ketua Jabatan perlu dikemukakan.
4. **Tamat tahun 6** di sekolah bantuan penuh kerajaan atau setaraf dengannya.
5. **Salinan slip permohonan "online"** hendaklah dihantar ke sekolah yang dipohon bersama-sama **salinan dokumen** yang telah disahkan seperti berikut :
 - 5.1. **Kad pengenalan pemohon, ibu, bapa / penjaga;**
 - 5.2. **Surat beranak pemohon;**
 - 5.3. **Keputusan Peperiksaan Ujian Penilaian Kelas Kafa (UPKK) ;**
 - 5.4. Sijil lain yang berkaitan;
 - 5.5. **Surat pengesahan bermastautin (jika berkaitan);**
 - 5.6. **Surat pengesahan majikan (jika berkaitan).**
6. **Tarikh tutup permohonan** pada **20 November 2020 (Jumaat, jam 12.01 pagi)**. Pemohon boleh menyemak panggilan temu uji pada **07 Disember 2020** di laman web di atas dan hendaklah membawa bersama slip panggilan temu uji ke pusat temu uji. **Ujian kelayakan khusus** akan diadakan bagi mata pelajaran Pendidikan Islam, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains pada hari temu uji.
7. **Slip permohonan dan dokumen** yang lengkap seperti di para 5 *hendaklah dihantar ke sekolah yang dipohon* bagi tujuan pengesahan dan panggilan temu uji.
8. **Slip panggilan temu uji** yang dicetak melalui laman web: <http://esma.pahang.gov.my> hendaklah dibawa pada hari temu uji iaitu pada **12 Disember 2020 (Sabtu) jam 8.30 pagi**.
9. **Keputusan temu uji** boleh disemak secara "online" di laman web: <http://esma.pahang.gov.my> mulai **22 Disember 2020 (Selasa)**.
10. Pemohon yang berjaya hendaklah membawa **slip keputusan tawaran** ke Sekolah Menengah Agama Kerajaan Pahang yang ditawarkan. Keputusan penempatan **adalah muktamad**.

Pengarah
Jabatan Agama Islam Pahang